

Sikap dan Penghayatan Jati Diri Bahasa Melayu Generasi Z (Gen Z), dalam Menempuh Revolusi Industri 4.0

Siti Nurul Jannah Binti Fital* dan Junaini Binti Kasdan

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Kemaraan era Revolusi Industri 4.0 (RI4) yang pastinya berkaitan dengan bidang Sains dan Teknologi didapati turut memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara. Semua Institusi Pengajian Tinggi, sama ada awam mahupun swasta berusaha keras bagi memastikan produk yang dihasilkan melalui program-program yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan berteraskan RI4. Ironinya, bidang Sains dan Teknologi ini sentiasa dikaitkan dengan keperluan yang tinggi terhadap penguasaan bahasa Inggeris. Sejak pertengahan tahun 2010, istilah RI4 semakin tersebar di negara ini hingga menimbulkan kebimbangan terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu. Sebenarnya, selagi penuturnya terus mendaulatkan dan berusaha melestarikan serta memperkaya bahasa ini, Bahasa Melayu tidak akan terancam dengan kemaraan era RI4. Namun persoalannya adakah penutur bahasa Melayu khususnya dalam kalangan generasi Z (Gen Z) mempunyai sikap untuk mendaulatkan dan berusaha melestarikan serta memperkaya bahasa ini. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat bagaimana tahap sikap dan penghayatan generasi Z terhadap bahasa Melayu yang menjadi antara asas pembinaan jati diri bahasa kebangsaan. Adakah tahap jati diri mereka terhadap bahasa kebangsaan berada pada tahap yang membimbangkan atau tidak? Generasi ini juga dikenali sebagai generasi digital yang mahir akan teknologi informasi dan berbagai aplikasi komputer. Bagi mencapai tujuan kajian, instrumen pengukuran jati diri bahasa yang dibangunkan khusus untuk kajian ini dimanfaatkan.

Kata kunci: Jati diri bahasa Melayu, generasi Z, revolusi industri 4.0, sikap, pengamalan

1. PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik, dengan kepelbagaian amalan agama, etnik, budaya dan bahasa. Kepelbagaian ini disatukan dengan satu bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Keperluan untuk mempunyai satu bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi, bahasa pertuturan dan lambang jati diri negara amat mendesak menjelang Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Sepuluh tahun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (2003), sebagai bahasa rasmi, seperti yang diwartakan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, dan sebagai bahasa pengantar ilmu, seperti yang diwartakan dalam Akta Pelajaran 1961.

Menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja berperanan sebagai lambang jati diri negara, tetapi turut berfungsi untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Menurut Shagul Hamid Abdullah dalam Abdul Rahman Abdul Aziz (2009), patriotisme merupakan satu kefahaman, penerimaan, pengamalan dan keupayaan mempertahankan asas-asas yang menjadi tunjang negara. Beliau menyatakan hal ini melibatkan rasa kecintaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap negara dan juga perasaan kebanggaan terhadap apa-apa dasar dan asas pembinaan negara. Jadi, sebagai rakyat

* Koresponden: jannah@unimap.edu.my

Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi seharusnya berbangga menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang termaktub dalam perlembagaan. Penggunaan bahasa Melayu merupakan satu cara untuk membuktikan rasa kecintaan dan kesetiaan terhadap negara dan rasa bangga dengan dasar pembinaan negara dan sekali gus menunjukkan nilai jati diri yang tinggi dalam diri seorang warganegara Malaysia.

Sealiran dengan pendapat di atas, Idris Aman (2011), meyakini bahasa rapat hubungannya dengan pengenalan sosial penuturnya. Bahasa adalah unsur budaya yang kuat berperanan sebagai wahana integrasi dan merupakan simbol identiti kesatuan rakyat pelbagai kaum dan wilayah yang terpisah bagi sesebuah negara, hatta dalam era globalisasi kini. Berdasarkan pendapat beliau, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa Melayu itu seharusnya mempunyai hubungan yang rapat dengan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau bangsa. Bahasa Melayu merupakan simbol jati diri rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum. Hal ini turut disokong oleh Hussein Al-Atas dalam Kamal Syukri Abdullah Sani (2007), dengan menyatakan bahawa bahasa Melayu sepatutnya menjadi milik dan kebanggaan setiap warganegara tanpa mengira bangsa atau kaum, kepercayaan dan warna kulit. Beliau turut menegaskan tentang penggunaan bahasa Melayu sebagai ciri pembeza rakyat negara ini dengan rakyat negara lain seperti Hong Kong, India dan Singapura.

Lebih sepuluh tahun yang lalu, Kamal Syukri Abdullah Sani (2007) menyatakan bahawa selepas negara Malaysia merdeka hampir 50 tahun bahasa Melayu terus menjadi isu dan masalah yang belum selesai. Sekali pun bahasa Melayu itu sudah diperundangkan sebagai bahasa kebangsaan dengan nama bahasa Melayu, pada amalnya, martabat atau status bahasa Melayu itu masih rendah. Menurut beliau lagi, bahasa itu kalah dengan bahasa Inggeris, bahkan pada tempat-tempat tertentu kalah kepada bahasa Mandarin juga. Namun, sehingga kini isu kedudukan bahasa Melayu masih lagi diperkatakan. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah kedudukan bahasa Melayu masih lagi tidak mempunyai satu akar tunjang yang kukuh untuk memainkan peranan sebagai bahasa rasmi negara. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin, *et al.* (2010) setelah sekian lama bahasa Melayu dikembangkan sebagai bahasa rasmi negara dan sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan kebangsaan, didapati kesedaran terhadap nilai dan peranan bahasa ini dalam kehidupan harian rakyat Malaysia di luar sistem yang rasmi tidak tinggi. Meski pelbagai usaha untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat telah dilakukan, fenomena kebahasaan terus berlaku.

Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sudah pun dipersetujui oleh semua kaum di Malaysia dan sudah pun termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Malaysia. Setiap rakyat Malaysia harus menghormati perkara ini. Bahasa Melayu bukanlah hak milik mutlak bangsa Melayu tetapi hak milik segala bangsa yang mendiami Malaysia, yang mengaku warga setia negara tercinta ini. Kamal Syukri Abdullah Sani (2007), menyatakan bangsa Melayu memanglah penutur jati bahasa Melayu di Malaysia. Namun begitu fakta ini sahaja tidak wajar memungkinkan orang Melayu mendabik dada menyatakan bahasa Melayu ini milik mutlak. Beliau menyatakan lagi, warga setia negara tercinta perlu bangga pada bahasa kebangsaannya tanpa berasa bahasa itu perlu bertukar namanya terlebih dahulu. Sejarah, maruah dan martabatnya perlu dihormati tanpa berbelah bahagi. Kesetiaan ini amat perlu ditunjukkan dari segi amalnya.

Tambahan lagi, Nor Hashimah Jalaluddin (2010), menyatakan setiap negara yang berdaulat mempunyai jati diri yang boleh dibanggakan. Pengukur jati diri yang mudah adalah melalui bahasa dan bangsa. Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ada menitahkan bahawa;

“... bahasa kebangsaan negara adalah identiti kepada sesebuah negara bangsa. Adalah janggal dan ironis jika terdapat seorang yang bertaraf warganegara, dengan mendapat segala nikmat dan keistimewaan seorang warganegara tetapi tidak boleh memahami, tidak boleh bertutur, tidak boleh menulis dan tidak boleh membaca di dalam bahasa kebangsaan negaranya.”

(Sivamurugan Pandian: 2017)

Mengapakah seruan oleh baginda dibuat setelah lebih 60 tahun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan? Bagaimanakah sebenarnya jati diri bahasa rakyat Malaysia kini? Bagaimanakah pengalaman bahasa Melayu rakyat Malaysia di luar konteks rasmi?

Menurut Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr. Rais Yatim dalam M.Jasni Majed (2017), isu tentang bahasa dan kecelaruan berbahasa yang di alami di negara ini bukan mudah untuk diselesaikan. Hal ini berkait rapat dengan osmosis budaya, keyakinan dan kerapuhan jati diri dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutama golongan muda yang menganggap isu bahasa sangat remeh dan tidak perlu diperbesar-besarkan. Erikson dalam Zamli Toti et al. (2014) menjelaskan bahawa cabaran utama para remaja adalah pertarungan besar antara identiti dan kekeliruan peranan dalam diri mereka. Persoalan “siapakah aku” ini mula ditanya olehnya sehingga mereka beroleh jawapan “inilah aku”.

Pengenalan-pengenalan dasar yang mengangkat kedudukan bahasa Inggeris mampu menghakis jati diri para pelajar terhadap bahasa Melayu. Malaysia kini sedang dirempuh arus globalisasi yang sangat kuat. Kemunculan era Revolusi Industri 4.0 (RI4) merencanakan lagi perkembangan bidang Sains dan Teknologi. Kemaraan era (RI4) yang pastinya berkaitan dengan bidang Sains dan Teknologi didapati turut memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara. Semua Institusi Pengajian Tinggi, sama ada awam mahupun swasta berusaha keras bagi memastikan produk yang dihasilkan melalui program-program yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan berteraskan RI4. Ironinya, bidang Sains dan Teknologi ini sentiasa dikaitkan dengan keperluan yang tinggi terhadap penguasaan bahasa Inggeris. Bahkan, menurut Ketua Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe, Frankfurt, Prof Dr Arndt Graf dalam sebuah akhbar bertarikh 16 Ogos 2018, sejak pertengahan tahun 2010, istilah RI4 semakin tersebar di negara ini hingga menimbulkan kebimbangan terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Namun, Bahasa Melayu tidak akan terancam dengan kemaraan era RI4 selagi penuturnya terus mendaulatkan dan berusaha melestarikan serta memperkaya bahasa ini.

Timbul persoalan di sini, bagaimanakah pula jati diri bahasa para pelajar Gen Z, iaitu generasi yang lahir dan membesar dalam era RI4, setelah melalui satu fasa dasar pendidikan yang mementingkan bahasa Inggeris? Adakah dasar yang pernah dilaksanakan memberi kesan kepada jati diri bahasa Melayu terhadap pelajar-pelajar tersebut?

Bertitik tolak dari permasalahan-permasalahan tersebut, maka pengkaji telah menelusuri kajian-kajian yang berkaitan dengan jati diri bahasa (sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan) penutur sesuatu bahasa yang pernah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Setakat yang telah ditelusuri, kajian berkaitan lebih tertumpu kepada dimensi jati diri bahasa secara terpisah-pisah. Misalnya kajian sikap dan persepsi bahasa sahaja, atau kajian sikap terhadap bahasa Melayu sahaja. Pada pandangan pengkaji, keempat-empat dimensi ini iaitu sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan terhadap bahasa Melayu akan mencerminkan jati diri bahasa penutur sesuatu bahasa itu.

1.1 Konsep Jati Diri

Jati diri menurut Mohd Yusof Othman *et al.* (2012), ialah sifat atau ciri unik dan istimewa dari banyak segi seperti adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dalam membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Berkongsi pendapat yang sama Wan Muhamad (2010) mentafsirkan jati diri sebagai identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:613) pula, mendefinisikan jati diri sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya. Ini bermaksud identiti adalah sebagai suatu 'tanda' pengenalan yang membezakan suatu dengan yang lain. Sebagai contoh nama yang diberi kepada setiap manusia adalah sebagai tanda identiti yang membezakannya dengan orang lain. Tanda identiti pada seseorang individu juga boleh dilihat dengan ciri-ciri fizikal yang ada seperti tanda lahir, cara bercakap, cara berjalan, warna rambut dan sebagainya.

Abdullah Hassan (2009), terdapat beberapa unsur yang mencirikan identiti sesebuah masyarakat itu, antaranya leluhur yang sama, penuturan bahasa yang sama, tempat tinggal (kedudukan geografi) yang sama, anutan agama yang sama, dan budaya yang sama. Namun, dalam konteks di Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai bangsa yang mengamalkan agama dan budaya yang berbeza satu-satunya unsur yang mencirikan identiti sebagai bangsa Malaysia ialah penggunaan satu bahasa kebangsaan yang sama iaitu bahasa Melayu. Sesebuah bangsa perlu mempunyai ciri yang sama yang dikongsi bersama. Hal inilah yang mewujudkan keseragaman atau kehomogenan dalam sesebuah negara bangsa.

Jati diri secara amnya bermaksud rangkuman nilai, budaya, bahasa, pegangan, fahaman dan pandangan jagat sesuatu kaum. Manifestasi dari nilai-nilai tersebut membentuk watak dan sifat peribadi, cara berfikir, cara hidup dan penampilan diri yang melambangkan tradisi bangsa dan jati diri kaumnya. Jati diri juga merupakan ciri-ciri yang dapat membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan sesuatu kumpulan manusia yang lain. Dalam konteks di Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai etnik dan fahaman agama, penggunaan bahasa kebangsaan merupakan satu cara untuk melambangkan tradisi sebagai warganegara Malaysia yang mempunyai jati diri kebangsaan yang kuat.

Konstruk Jati Diri yang dikemukakan oleh Zamli Toti *et al.* (2014), terdiri dari dua dimensi utama dan tujuh sub dimensi. Dimensi pertama dikenali sebagai dimensi kesetiaan yang mempunyai tiga sub dimensi iaitu patriotisme, budaya kebangsaan dan bahasa kebangsaan. Manakala dimensi kedua yang dikenali dimensi kekuatan diri terdiri dari empat sub dimensi iaitu ketahanan diri, sahsiah diri, kekuatan jiwa dan etika. Berdasarkan konstruk jati diri yang dikemukakan oleh beliau pengkaji telah memecahkan sub dimensi bahasa kebangsaan kepada empat bahagian iaitu sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan. Rakyat Malaysia yang mempunyai jati diri yang kuat harus mempunyai rasa bangga, setia dan cinta terhadap bahasa kebangsaannya.

Jati diri sesuatu bahasa ditandai oleh tiga ciri utama, iaitu kesetiaan, kebanggaan dan kecintaan terhadap bahasa. Kesetiaan, kebanggaan dan kecintaan terhadap bahasa itu pula akan dizahirkan melalui sikap yang positif serta penghayatan yang tinggi terhadap bahasa itu sendiri. Sikap yang positif disertakan dengan penghayatan yang tinggi terhadap sesuatu bahasa juga merupakan faktor penting dalam pelestarian sesuatu bahasa, yang dalam konteks kajian ini merujuk kepada bahasa Melayu, bahasa kebangsaan Malaysia.

1.2 Sikap

Sikap, secara umum didefinisikan oleh Muller (1992), sebagai pengaruh atau penolakan, penilaian, suka atau tidak suka, terhadap suatu perkara. Sikap merupakan unsur keperibadian yang wujud dalam jiwa seseorang yang mampu mempengaruhi pandangannya dan tingkah lakunya terhadap sesuatu perkara sama ada positif atau negatif. Sikap adalah salah satu istilah bidang psikologi yang berhubungan dengan persepsi dan tingkah laku.

Menelusuri pandangan Fishbein & Ajzen (1975) pula menyatakan sikap terbentuk dari tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Komponen kognitif berkaitan dengan pengetahuan, pandangan, keyakinan, iaitu hal-hal yang berhubungan dengan bagaimana persepsi seseorang terhadap objek sikap. Sementara itu, komponen afektif berhubungan dengan rasa senang atau tidak senang terhadap objek sikap. Rasa senang merupakan hal yang positif, manakala rasa tidak senang adalah hal negatif. Komponen psikomotor berhubungan dengan kecenderungan bertindak atau berperilaku terhadap objek sikap

Aminah Awang Basar (2015), telah membahagikan sikap pengguna bahasa kepada tiga ciri utama, iaitu kesetiaan kepada bahasa, kebanggaan kepada bahasa, dan kesedaran akan adanya norma bahasa. Menurut Sugiyono dalam Aminah Awang Basar (2015), semakin bermaruah sesuatu bahasa, semakin tinggi kesetiaan penutur terhadapnya. Penutur yang setia terhadap sesuatu bahasa (*language loyalty*), akan melakukan apa sahaja untuk mempertahankan bahasa tersebut, sedangkan penutur yang antipati terhadap suatu bahasa (*language antipathy*), akan membiarkan bahasanya beralih, malah merosakkan bahasa tersebut.

Dalam konteks kajian ini, sikap dirujuk kepada penilaian, positif atau negatif, suka atau tidak suka, pandangan serta tindakan pelajar terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang didasari oleh cara berfikir, perasaan, kepercayaan dan tingkah laku kerana adanya nilai-nilai dan norma-norma yang ingin dipertahankan dan dikendalikan. Sikap generasi Z terhadap bahasa Melayu merupakan cerminan tahap kecintaan atau kebanggaan mereka terhadap bahasa Melayu dan secara tidak langsung menggambarkan tahap jati diri mereka terhadap bahasa Melayu.

1.3 Penghayatan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:522), mendefinisikan penghayatan sebagai perihal menghayati, perihal mengalami dan merasai dalam batin. Penghayatan menggambarkan perihal atau proses menghayati atau mendalami, menjiwai sesuatu sama ada melalui penglihatan, pendengaran, pembacaan atau sebagainya. Seseorang itu dapat merealisasikan sesuatu yang ditanggapinya dalam kehidupan sama ada secara individu mahupun masyarakat melalui proses penghayatan. Penghayatan merupakan kata terbitan yang berasal dari kata akar hayat. 'Hayat' dalam bahasa Arab bermakna hidup. Bertepatan dengan maksud dari segi bahasa yang berakar kata kepada hayat, seseorang yang menghayati bahasa kebangsaan negaranya akan menjadikan bahasa itu 'hidup' dalam diri dan luarannya.

Dalam konteks kajian ini, penghayatan dirujuk kepada rasa sedar, percaya, bangga, yakin dan cinta yang tidak berbelah bagi terhadap bahasa Melayu. Rasa ini akan diterjemah dalam bentuk pengamalan bahasa Melayu secara komprehensif dalam cara berfikir, bercakap, bertingkah laku, menetapkan prinsip, dalam segenap aspek kehidupan dengan berteraskan pengetahuan dan kefahaman tentang bahasa Melayu.

1.4 Generasi Z

Tapscott (2008), telah membahagikan demografi penduduk kepada beberapa kelompok berikut:

1. Pre Baby Boom (lahir pada 1945 dan sebelumnya)
2. The Baby Boom (lahir antara 1946 -1964)
3. The Baby Bust (lahir antara 1965 – 1976) – Generasi X
4. The Echo of the Baby Boom (lahir antara 1977-1997) –
5. Generasi Y
6. Generation Net (lahir antara 1998 hingga 2009) – Generasi Z
7. Generation Alpha (lahir pada 2010) – Generasi A

Gen Z adalah golongan yang dilahirkan tahun 1998 hingga 2009. Generasi ini lahir dan membesar dalam kerancakan era teknologi. Mereka telah mula melayari internet dan web seiring dengan usia mereka sejak mereka masih belum bercakap. Gen Z telah dibimbing dan digalakkan oleh ibu bapa menggunakan dunia laman sosial sejak kecil lagi.

2. PENYATAAN MASALAH

Jati diri menurut Wan Muhamad (2010), ialah 6omputer diri atau keperibadian diri yang dimiliki oleh seseorang, yang dapat dilihat secara lahiriah dan juga melalui nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Jati diri ialah sifat atau ciri yang unik dari banyak segi seperti bahasa, budaya dan agama dalam membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang. Dalam menelusuri kajian-kajian terdahulu pengkaji mengkategorikan kajian jati diri ini kepada tiga kategori. Pertama, kajian jati diri dalam pelbagai perspektif iaitu kajian yang tidak mengaitkan jati diri dengan bahasa Melayu atau tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai fokus utama. Kedua, kajian jati diri bahasa pra-komprehensif iaitu, kajian yang mengkaji aspek-aspek jati diri bahasa secara terpisah-pisah. Ketiga kajian jati diri bahasa komprehensif iaitu, kajian yang melihat aspek jati diri bahasa secara lebih meluas dan boleh diluaskan lagi.

2.1 Kajian Jati Diri Pelbagai Perspektif

Kajian tentang jati diri bukanlah sesuatu yang baharu, dan sudah terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan. Ramlah Adam (2005) misalnya, melihat konsep jati diri itu dengan pemahaman, penghayatan dan pengamalan rukun negara. Beliau telah menjalankan kajian untuk melihat sejauh mana pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai pemahaman, penghayatan dan pengamalan rukun negara. Hashim Musa (2012) pula melihat konsep jati diri ini, sebagai jati diri sosial iaitu bagaimana individu itu bertindak dan berkelakuan dalam masyarakat. Beliau menyamakan konsep jati diri sosial ini dengan sifat keperibadian sosial yang disebut oleh beliau sebagai konsep hati budi. Kajian beliau adalah untuk melihat jati diri orang Melayu sama ada mereka masih mengekalkannya atau pun sudah luntur.

Berdasarkan kajian Hashim Musa (2008) dan Siti Sarah Ab Karim (2015), telah menjalankan kajian dengan membina alat pengukuran Hati Budi Melayu atas talian yang bertujuan mengetahui sejauh manakah orang Melayu masih mengekalkan jati diri mereka atau sebaliknya. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati kajian-kajian jati diri yang pernah dijalankan, bersifat umum dan tidak berfokus kepada kajian jati diri bahasa khususnya dalam kalangan Gen Z. Kajian Ramlah Adam (2005) misalnya melihat jati diri dari sudut sejarah. Begitu juga dengan kajian Hashim Musa (2012) dan Siti Sarah Ab Karim (2015), yang mengkaji jati diri dari sudut sosiolinguistik masyarakat Melayu.

2.3 Kajian Jati Diri Bahasa Pra-Komprehensif

Sungguhpun terdapat kajian yang berfokus kepada jati diri bahasa Melayu, pengkaji melihat kajian ini masih mempunyai kelompongan. Kajian Zaharani Ahmad et al. (2011) misalnya, menganalisis beberapa implikasi daripada penyerapan kata asing dalam proses pemerksaan jati diri bahasa Melayu. Hasil kajian ini mendapati kemasukan perbendaharaan kata daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris, mempunyai dua kesan 6omputer6c dalam konteks pemerksaan dan pembinaan jati diri bahasa Melayu. Pertama, bahasa Melayu 6ompute mempertahankan jati dirinya dan tidak menerima unsur 6omputer6c asing. Kedua, bahasa Melayu gagal mempertahankan jati dirinya dan terpaksa menerima unsur 6omputer6c asing. Kesan daripada penyerapan unsur asing mencetuskan gejala kebahasaan yang dikenali sebagai bahasa rojak. Jika gejala ini tidak dibendung, suatu hari nanti bahasa dan bangsa Melayu akan hilang 6omputer dan jati dirinya. Kajian ini hanya melihat konsep jati diri dalam bahasa Melayu itu sendiri apabila mengalami proses pemerksaan bahasa. Dalam erti kata lain, kajian Zahari Ahmad et al. (2011) ini, adalah untuk melihat kesan-kesan proses pemerksaan bahasa Melayu terhadap jati bahasa Melayu itu sendiri sama ada bahasa Melayu 7ompute mempertahankan jati dirinya dengan tidak menerima unsur 7omputer7c asing ataupun sebaliknya. Kajian ini tidak melihat jati diri bahasa Melayu dalam diri pengguna bahasa itu sendiri.

Apabila memperkatakan tentang jati diri bahasa, hal ini turut melibatkan sikap pengguna bahasa itu sendiri, kerana jati diri bahasa seseorang itu akan dapat dilihat melalui sikapnya terhadap bahasa. Sikap merupakan satu pegangan yang berlandaskan satu keyakinan. Proses pembentukan sikap datangnya daripada sumber ilmu dan maklumat yang diserap ke dalam pemikiran seterusnya berlakulah proses analisis dan penilaian sehingga mencapai tahap kepercayaan dan keyakinan. Jerie Peter Langan et al. (2011), menjalankan kajian untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan sikap dan motivasi antara murid Iban berdasarkan jantina serta sikap dan motivasi yang dimiliki ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di daerah Kanowit, Sarawak. Hasil kajian ini mendapati murid-murid Iban sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Sungguhpun begitu, fokus kajian ini hanyalah mengkaji sikap terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Iban. Pengkaji mendapati tiada aspek-aspek jati diri bahasa yang lain dinyatakan dalam kajian ini.

Pengkaji lain yang turut menjalankan kajian sikap terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar ialah, Zaliza Nasir et al. (2014). Kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka. Kajian ini hanya melihat sikap dan motivasi penutur asing dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka dan bukannya sebagai bahasa kebangsaan mereka.

2.4 Kajian Jati Diri Bahasa Komprehensif

Melalui bacaan dan carian, pengkaji mendapati terdapat kajian yang melihat konsep jati diri bahasa dalam dimensi yang lebih luas. Misalnya Junaini Kasdan (2011), mengkaji sikap, persepsi dan tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia. Hasil kajian ini membuktikan bahawa latar yang berbeza dalam kalangan remaja Malaysia akan mewujudkan perbezaan sikap dan persepsi terhadap bahasa Melayu. Kajian ini hanya tertumpu pada 1,523 pelajar tingkatan empat, yang dipilih mewakili sekolah-sekolah dari lima buah negeri. Kajian oleh beliau juga tidak melihat aspek penghayatan terhadap bahasa Melayu dalam diri para pelajar.

Selain itu kajian mengenai jati diri bahasa Melayu turut dilakukan oleh Zamri Mahamad et al. (2017) yang mengkaji tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan di Universiti Awam (UA). Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan tahap jati bahasa Melayu dan perbezaan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan di lima Universiti Awam yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar aliran pendidikan UA secara amnya tetap kekalkan jati diri bahasa Melayu mereka. Kajian yang dijalankan oleh beliau ini, 7omput sama dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Dalam kajian ini Zamri Mahamad et al. (2017) turut melihat kesan terhadap jati diri bahasa Melayu akibat penekanan kepada penguasaan bahasa Inggeris oleh pihak universiti. Aspek jati diri yang dikaji lebih meluas. Beliau mengukur jati diri bahasa Melayu itu melalui aspek pemahaman, penghayatan dan pengamalan. Pengkaji mendapati kajian beliau tidak memasukkan aspek sikap sebagai salah satu dimensi yang membentuk jati diri bahasa dalam diri pelajar. Kelompongan inilah yang akan diisi oleh pengkaji, kerana sikap merupakan salah satu aspek utama yang menjadi akar dalam membentuk jati diri yang kukuh dalam diri seseorang.

Bersandarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, pengkaji berpendapat satu kajian yang lebih komprehensif dengan melihat kesemua dimensi yang menjadi akar umbi pembentukan jati diri penutur terhadap bahasa Kebangsaan amat perlu dilakukan, memandangkan tiada lagi kajian yang melibatkan kesemua dimensi ini dijalankan sebelum ini. Tambahan pula, responden yang dipilih dalam kajian ini merupakan generasi yang paling sesuai dijadikan sampel ini merupakan generasi yang lahir dan membesar dalam era RI4. Generasi ini juga dikenali sebagai generasi digital yang mahir akan teknologi informasi dan berbagai aplikasi 8omputer. Pengkaji merasakan penting untuk mengkaji apakah jati diri bahasa Melayu Gen Z ini yang telah melalui satu zaman ledakan kemajuan teknologi sejak mereka berada di dalam kandungan ibu mereka lagi.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap jati diri Gen Z terhadap bahasa Melayu dalam mendepani era R14. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap sikap jati diri Gen Z terhadap bahasa Melayu.
2. Mengetahui tahap penghayatan jati diri Gen Z terhadap bahasa Melayu.

4. METODOLOGI

Dalam konteks kajian ini, penulis memberikan tumpuan kepada penelitian tentang jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Gen Z. Terdapat empat dimensi yang membentuk jati diri bahasa Melayu iaitu, sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan. Namun skop kajian ini terbatas kepada dimensi jati diri sikap dan penghayatan sahaja. Pemilihan bidang kajian adalah berdasarkan kepentingan peranan bahasa Melayu, bukan sahaja sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, tetapi juga sebagai bahasa pengantar dan mata pelajaran teras di semua peringkat pendidikan. Kajian ini adalah kajian tinjauan dan kajian kepustakaan. Kajian ini memanfaatkan data kuantitatif deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik. Seramai 660 orang pelajar dari Gen Z yang dipilih secara rawak menjadi responden kajian.

Instrumen yang digunakan dalam kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada 5 bahagian. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan demografi pelajar, bahagian B bertujuan untuk mengkaji sikap, bahagian C untuk mengkaji persepsi, bahagian D untuk mengkaji tahap pengamalan, dan bahagian E untuk mengkaji tahap penghayatan responden terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Soalan-soalan yang melibatkan sikap, persepsi,

penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu responden, Pengkaji menggunakan skala Likert 10 skala iaitu Sangat Tidak Setuju (1-2), Tidak Setuju (3-4), Tidak Peduli/Tidak Kisah (5-6), Setuju (7-8) dan Sangat Setuju (9-10).

Instrumen yang dibina menggunakan skala Likert 10 mata. Skala ini diambil dan diolah berdasarkan kajian Indeks Belia Malaysia 2011 (IBM 2011). Bagi tujuan penginterpretasian skor, nilai pengukuran dibahagikan kepada empat tahap. Berdasarkan kajian IBM2011, tahap indeks kurang baik berada pada skala skor 1 hingga 3, tahap sederhana baik pada skala skor 4 hingga 5, skala tahap baik adalah pada skala skor 6 hingga 8 dan tahap sangat baik pada skala skor 9 hingga 10. Nilai min pula adalah berdasarkan kepada empat skala seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Skala min dan tahap interpretasi

Skor Min	Tahap Interpretasi Jati Diri
1.00 – 2.99	Luntur jati diri
3.00 – 5.99	Mula luntur jati diri / rendah
6.00 – 8.89	Sederhana
9.00 – 10.00	Tinggi jati diri

4.1 Profil dan Latar Belakang Sosial Responden


Kajian ini melibatkan hampir 660 remaja daripada generasi Z (Gen Z) di seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak mengikut negeri meliputi kelompok bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Gen Z yang dipilih ialah mereka yang sedang menuntut di tingkatan 6, matrikulasi/asasi, pelajar institusi pengajian awam dan swasta. Golongan ini dipilih kerana golongan ini dianggap lebih matang dalam menjawab soal selidik yang diberi. Mereka juga dapat dianggap sebagai generasi yang akan meneruskan kesinambungan bahasa Melayu di Malaysia, justeru pemilihan Gen Z dalam kategori di atas sebagai subjek kajian adalah relevan dan tepat untuk melaksanakan kajian ini. Senarai negeri yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Senarai negeri yang terlibat dengan kajian ini

Negeri	Kawasan Tempat Tinggal			Jumlah
	Bandar	Piggir Bandar	Luar Bandar	
Johor	14	9	8	31
Kedah	55	27	29	111
Kelantan	26	17	21	64
Melaka	9	4	4	17
Negeri Sembilan	20	4	1	25
Pahang	10	6	6	22
Perak	54	21	14	89
Perlis	17	6	5	28
Pulau Pinang	37	25	1	63
Sabah	10	1	4	15
Sarawak	41	7	4	52
Selangor	66	23	7	96

Terengganu	9	9	7	25
Wilayah Persekutuan	21	1	0	22
Jumlah	389	160	111	660

Secara keseluruhan, responden terdiri daripada 332 Gen Z lelaki dan 328 Gen Z perempuan. Seramai 62.7% (414) responden merupakan Gen Z Melayu, 22.1% (146) Gen Z Cina, 8.9% (59) Gen Z India, 6.2% (41) Gen Z Bumiputera. Daripada jumlah tersebut, seramai 58.9% (389) merupakan Gen Z bandar, dan 24.2% (160) Gen Z pinggir bandar dan 16.8 (111) Gen Z luar bandar. Berdasarkan kaum/etnik, didapati kesemuanya lebih tertumpu di kawasan bandar, dengan 55.0% (231) kaum Melayu, 58.2% (85) kaum Cina, 71.2% (42) kaum India dan 75.6% (31) Bumiputera. Taburan lokasi petempatan kaum/etnik ini digambarkan dalam rajah 1.




Rajah 1. Taburan kaum/etnik berdasarkan lokasi.

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Tahap Sikap Jati Diri Gen Z Terhadap Bahasa Melayu


Bahasa Melayu tidak akan terancam dengan kemaraan era Revolusi Industri Keempat (RI4) selagi penuturnya terus mendaulatkan dan berusaha melestari serta memperkayakannya. Usaha ini perlu bermula dengan sikap yang positif dalam diri penutur bahasa Melayu itu. Sekiranya rakyat Malaysia mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa Kebangsaannya sendiri, mereka tidak akan merasa pentingnya usaha-usaha mendaulatkan bahasa Melayu agar terus berada pada kedudukan yang tinggi.

Menurut Mohd Yusof Othman (2018), fungsi bahasa membangun potensi akal untuk berfikir yang akhirnya membentuk sikap dan membina tasawur dengan memberi makna kepada apa yang kita dengar dan apa yang kita cerap. Sikap merupakan salah satu dimensi penting yang menjadi teras dalam pembentukan jati diri penutur bahasa kebangsaan. Hai ini dipersetujui oleh Jeniri Amir (2013), dengan menyatakan wajah jati diri dan kemajuan sesuatu bangsa pada masa hadapan bergantung pada sikap generasi hari ini terhadap bahasa kebangsaan negaranya.



Rajah 2. Taburan tahap sikap jati diri bahasa Melayu Gen Z.

Berdasarkan Rajah 2, gambaran keseluruhan, menunjukkan 59% (389) Gen Z sudah mula luntur jati diri bahasa Melayu dan 3.0% (19) sudah luntur jati diri. Hanya 37% (246) Gen Z yang mempunyai sikap jati diri bahasa Melayu yang kuat dan 1% (6) sangat kuat. Bagi melihat sikap Gen Z terhadap bahasa Melayu, beberapa komponen yang dianggap dapat memberikan gambaran sikap mereka diberikan perhatian. Komponen yang berkaitan adalah seperti yang dipaparkan dalam rajah berikut;




Rajah 3. Taburan kekerapan sikap Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa informasi.

Rajah 3 menunjukkan taburan sikap Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa informasi, 21.7% memilih sangat tidak setuju dan 21.8% tidak setuju untuk mewajibkan penggunaan bahasa Melayu pada semua iklan di tempat awam. Manakala 19.2% pula bersikap tidak peduli atau tidak kisah sama ada bahasa Melayu itu diwajibkan atau pun tidak sebagai bahasa iklan. Secara keseluruhannya seramai 62.7% Gen Z mempunyai sikap negatif terhadap bahasa Melayu.

Sikap negatif seperti ini sepatutnya tidak berlaku kerana penekanan penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Malaysia pada iklan bukanlah perkara yang baharu. Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam meluluskan pemasangan papan iklan premis perniagaan di kawasan masing-masing telah dikuatkuasakan sejak 11 Januari 2005. Antara perkara yang ditekankan dalam garis panduan tersebut, termasuklah penggunaan bahasa Malaysia yang betul dan tepat pada papan iklan.

Sebagai contoh, Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002, dengan jelas menyatakan:

- 1) Sesuatu iklan hendaklah dalam bahasa Malaysia sama ada dengan sendirinya atau bersama-sama bahasa lain.
- 2) Perkataan-perkataan dan huruf-huruf dalam bahasa Malaysia hendaklah diberi keutamaan warnanya dan di sesuatu kedudukan yang lebih jelas daripada perkataan-perkataan atau huruf-huruf atau tulisan-tulisan dalam bahasa lain yang digunakan, dan saiznya hendaklah tidak melebihi ukuran yang terdapat dalam bahasa Malaysia.
- 3) Seseorang tidak boleh mempamerkan atau menyebabkan atau membenarkan dipamerkan mana-mana iklan yang tidak mematuhi paragraf (1) dan (2).
- 4) Walau apa pun peruntukan paragraf (3), jika nama sesuatu firma, persatuan atau syarikat sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta syarikat 1965 atau Akta Pertubuhan 1966, terdiri dari atau termasuk perkataan yang bukan dalam bahasa Malaysia, maka tidaklah perlu diterjemahkan perkataan-perkataan ini ke dalam bahasa Malaysia.
- 5) Walau apa pun peruntukan-peruntukan (4), Datuk Bandar boleh menghendaki butir-butir perniagaan, syarikat-syarikat atau pertubuhan itu hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan dalam perenggan (1) dan (2).




Rajah 4. Taburan kekerapan sikap Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.

Berdasarkan Rajah 4 didapati 12.4% sangat setuju, 20.3% tidak setuju dan 22.1% tidak peduli bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling berkesan untuk digunakan ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan yang berlainan kaum. Hal ini bererti seramai 54.8% Gen Z meragui kemampuan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi merentas kaum di Malaysia. Menurut Jeniri Amir (2013), bahasa adalah tunjang penting kebudayaan dan tamadun bangsa sekali gus memperlihatkan tahap kemajuan sesuatu bangsa. Beliau turut memperakui, di Malaysia bahasa Melayu merupakan wahana komunikasi dan bahasa kebangsaan yang mutlak dan paling efektif bagi rakyat Malaysia.

Sikap rakyat yang lebih meyakini keupayaan bahasa asing di negara sendiri amat menyedihkan. Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong membuat kenyataan dalam akhbar Utusan bertarikh 9 Oktober 2016, walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara tetapi fungsinya sekarang ibarat melukut di tepi gantang di tanah air sendiri kerana diabaikan oleh anak watannya sendiri. Beliau turut melahirkan kebimbangan akan sikap orang Melayu yang bukan sahaja kurang cakna kepada bahasa Melayu tetapi tidak prihatin, tidak bangga, tidak sayang dan tidak setia kepada bahasa mereka sendiri. Melalui kajian awal ini pengkaji mendapati apa yang dilahirkan oleh Prof. Datuk

Dr. Teo Kok Seong itu memang perlu diambil berat. Amat menyedihkan dan membimbangkan, majoriti responden terdiri daripada orang Melayu. Sekiranya bangsa Melayu sendiri mula meragui kemampuan bahasa Melayu, apatah lagi bangsa lain.



Rajah 5. Taburan kekerapan sikap Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan.

Hasil cerapan sikap Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan dapat dilihat berdasarkan Rajah 5. Hasilnya hanya 18.5% (122) sangat setuju dan 22.3% (147) setuju dengan kenyataan S3. Sebanyak 22.3% (143) bersikap tidak peduli akan bahasa apa yang menjadi bahasa pengantar sepenuhnya di semua peringkat pendidikan. Manakala 40% (269) Gen Z bersetuju agar disegerakan pelaksanaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya di semua peringkat pendidikan.


Secara keseluruhannya seramai 59.3% Gen Z mempunyai sikap negatif akan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat tinggi. Golongan ini seakan tidak tahu akan dasar bahasa kebangsaan yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Sepuluh tahun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (2003), sebagai bahasa rasmi, seperti yang diwartakan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, dan sebagai bahasa pengantar ilmu, seperti yang diwartakan dalam Akta Pelajaran 1961. Keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa global bergantung kepada keyakinan penuturnya untuk mengamalkan dalam semua bidang termasuk bidang ilmu. Sekiranya penuturnya sendiri lebih bergantung kepada bahasa asing, lama kelamaan fungsi bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu akan pupus.

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan hasil dapatan awal mengenai sikap generasi Z terhadap bahasa Melayu berada pada tahap kritikal. Golongan ini mempunyai sikap negatif akan kemampuan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Sikap seperti ini seharusnya dikikis demi memastikan bahasa Melayu mampu mempertahankan jati dirinya ketika berdepan dengan arus globalisasi. Sikap positif terhadap bahasa kebangsaan negara juga mampu memastikan kelangsungan hayat bahasa tersebut dan tidak mati dalam menempuh era R14. Hal ini turut dipersetujui oleh Jeniri Amir (2013), dengan saranan agar rakyat sesuatu negara perlu menyemai sikap positif dan menjunjung bahasa itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Beliau turut menyatakan bahasa kebangsaan ialah lambang kebanggaan dan lambang identiti nasional.

5.2 Tahap Penghayatan Jati Diri Generasi Z Terhadap Bahasa Melayu


Penghayatan merupakan kata terbitan yang berasal dari kata akar hayat. ‘Hayat’ dalam bahasa Arab bermakna hidup. Bertepatan dengan maksud dari segi bahasa yang berakar kata kepada hayat, seseorang yang menghayati bahasa kebangsaan negaranya akan menjadikan bahasa itu ‘hidup’ dalam menempuh arus globalisasi.

Dalam konteks kajian ini, penghayatan dirujuk kepada rasa sedar, percaya, bangga, yakin dan cinta yang tidak berbelah bagi terhadap bahasa Melayu. Rasa ini akan diterjemah dalam bentuk pengamalan bahasa Melayu secara komprehensif dalam cara berfikir, bercakap, bertingkah laku, menetapkan prinsip, dalam segenap aspek kehidupan dengan berteraskan pengetahuan dan kefahaman tentang bahasa Melayu. Penghayatan terhadap sesuatu perkara juga akan memberi kesan kepada sikap seseorang.



Rajah 6. Taburan tahap penghayatan jati diri bahasa Melayu Gen Z.

Berdasarkan Rajah 6, secara umumnya tahap penghayatan jati diri bahasa Melayu Gen Z berada pada tahap yang baik iaitu 70% (468) berada pada tahap tinggi jati diri dan 13% (86) sangat tinggi jati diri. Hanya 2% (1) yang sudah luntur dan 16% (105) mula luntur penghayatan mereka terhadap bahasa Melayu. Bagi melihat penghayatan Gen Z terhadap bahasa Melayu, beberapa komponen yang dianggap dapat memberikan gambaran penghayatan mereka diberikan perhatian. Komponen yang berkaitan adalah seperti yang dipaparkan dalam rajah berikut;




Rajah 7. Taburan kekerapan penghayatan Gen Z terhadap penguasaan bahasa Melayu.

Berdasarkan Rajah 7 didapati 37.6% (230) Gen Z yang tidak merasa bimbang jika tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal ini kerana mereka yakin tanpa penguasaan bahasa Melayu yang baik mereka masih boleh mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan akademik mereka. Manakala 21.7% (203) Gen Z tidak mengambil peduli akan hal ini. Secara keseluruhannya sebanyak 59.3% Gen Z merasakan tidak penting untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal ini menunjukkan seolah-olah penguasaan bahasa Melayu itu tidak memberi apa-apa keistimewaan dan tidak menjamin masa hadapan mereka.

Penyakit ini semakin menjadi barah apabila mendapat sokongan daripada pihak yang mentadbir negara. Sebagai contoh, pada 23 Februari 2017, kedaulatan bahasa Melayu sekali lagi dicabar, apabila Jabatan Perkhidmatan Awan (JPA) bersetuju dengan usul Kementerian Kesihatan untuk melonggarkan syarat kelayakan lulus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk pelantikan secara kontrak ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41. Pengkaji melihat kelonggaran ini sebagai sesuatu yang tidak wajar kerana akan menjadikan bahasa Melayu semakin terpinggir dan tidak dipedulikan. Adakah ramai pelajar aliran perubatan ini tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik? Ketidakteguhan sistem politik negara yang tidak mendaulatkan bahasa kebangsaan inilah yang menjadikan lebih ramai rakyat Malaysia tidak bangga dan yakin akan bahasa kebangsaan negara. Eqwan Roslan (2017), menyatakan kelonggaran yang diberi ini akan membolehkan tuntutan kelonggaran bagi sektor awam lain di masa akan datang. Beliau menyatakan kesan yang lebih buruk lagi, kelonggaran ini bakal membuka ruang-ruang tuntutan yang lebih besar seperti tuntutan oleh Dong Zong yang menuntut kerajaan mengambil lepasan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) untuk ke sektor awam. Kelonggaran ini adalah kejayaan kecil bagi tuntutan Dong Zong.


Seharusnya sebagai individu yang mengaku dirinya warganegara Malaysia, perlu menguasai bahasa Melayu dengan baik. Agak menghairankan setelah lebih 60 tahun negara mencapai kemerdekaan, masih ada lagi rakyatnya yang tidak fasih berbahasa Melayu. Menurut Teoh Keok Seong (2016), sebagai bahasa negara, bahasa Melayu hendaklah dikuasai dengan baik oleh setiap warga negara Malaysia kerana ia mempunyai kaitan dengan sikap rakyat mengenai jati diri negara dan cara mereka sebagai warganegara mendukungnya selain memeliharanya pada setiap masa.



Rajah 8. Taburan kekerapan penghayatan Gen Z terhadap percampuran kod dalam bahasa Melayu.

Rajah 8 menunjukkan peratusan Gen Z yang tidak kisah dan selesa untuk mencampuradukkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dengan sesiapa sahaja (52.3%) adalah lebih tinggi berbanding mereka yang mengambil berat untuk menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya ketika berkomunikasi (47.2%).

Penggunaan bahasa rojak secara berleluasa seiring dengan pesatnya perkembangan teknologi maklumat akan menjadikan bahasa sebagai bahasa yang rendah tarafnya. Tan Sri Lee Lam Thye dalam akhbar Harian bertarikh 19 April 2017, menyatakan penggunaan bahasa rojak akan menghakis keutuhan bahasa Melayu. Menurut beliau lagi penggunaan bahasa rojak ini dilakukan dengan melampau sehingga mendapat jolokan 'Manglish' iaitu gabungan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, yang merangkumi penggunaan perkataan atau struktur ayat yang tidak menepati tatabahasa dan kosa kata yang betul.



Rajah 9. Taburan kekerapan penghayatan Gen Z mengenai penggunaan slanga.

Rajah 9 turut menunjukkan bahawa tahap penghayatan Gen Z terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul berada pada tahap yang baik iaitu sebanyak 57.8%. Namun 42.1% Gen Z yang tidak kisah menggunakan bahasa slanga sewaktu bermunikasi.

Slanga bukanlah satu bentuk fenomena baharu dalam dunia bahasa, tetapi fenomena ini mula popular dan perkembangannya sangat pesat dalam kalangan remaja masa kini, seiring dengan perkembangan bidang teknologi maklumat. Perkembangan teknologi kemunikasi seperti seperti Facebook, Twitter, Instagram, aplikasi WhatsApp, WeChat dan banyak lagi menyemarakkan lagi penggunaan slanga dan bahasa singkatan ini terutamanya dalam kalangan Gen Z. Hal ini turut diperakui oleh Nur Azlina Jalaluddin dan Nurhasyinda Shahidan (2017) dalam kajiannya menyatakan kepesatan teknologi masa kini sebagai alat komunikasi yang lebih bersifat nyata dan realistik menjadi kelebihan kepada Gen Z. Mereka sering berada dalam dunia maya dan boleh berhubung ke seluruh pelusuk dunia tanpa had dan batasan.

6. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini didapati tahap sikap jati diri Gen Z terhadap bahasa Melayu berada pada tahap yang rendah. Dapatan keseluruhan kajian, menunjukkan 59% (389) Gen Z sudah mula luntur jati diri bahasa Melayu dan 3.0% (19) sudah luntur jati diri. Hanya 37% (246) Gen Z yang mempunyai sikap jati diri bahasa Melayu yang kuat dan 1% (6) sangat kuat. Namun, ironinya tahap penghayatan jati diri bahasa Melayu Gen Z berada pada tahap yang baik iaitu 70% (468) berada pada tahap tinggi jati diri dan 13% (86) sangat tinggi jati diri. Hanya 2% (1) yang sudah luntur dan 16% (105) mula luntur penghayatan mereka terhadap bahasa Melayu. Sikap terhadap bahasa Melayu rendah, namun tahap penghayatannya tinggi. Dapatan ini menunjukkan seolah-olah Gen Z sedang mengalami krisis identiti bahasa. Keadaan jika tidak dibendung akan mengakibatkan tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z semakin luntur. Generasi muda akan terkapai-kepai mencari identiti bahasanya sendiri. Sesebuah negara dapat menggambarkan diri sebagai suatu bangsa yang utuh hanya melalui bahasa kebangsaannya. Bahasa Melayu mampu

meningkatkan arus kemodenan sekiranya penuturnya mempunyai sifat bangga, setia dan cinta yang tidak berbelah bagi terhadap bahasa kebangsaan negaranya sendiri. Sekiranya rakyat sesebuah negara masih lagi bergantung harap kepada bahasa asing, itu menandakan ketidakpercayaan mereka terhadap bahasa sendiri. Kesedaran tentang perlu pentingkan mendaulatkan bahasa kebangsaan perlu terus diperkukuh dan tidak seharusnya dibiarkan luntur dan terhakis oleh gelombang deras globalisasi.

Jeniri Amir (2013) menyatakan, masyarakat yang bertamadun tinggi tidak akan lupa kepada khazanah dan harta bangsanya. Menurut beliau, salah satu khazanah yang berharga dan tidak harus dikorbankan, sebaliknya perlu dipupuk dengan bersungguh-sungguh ialah bahasa kebangsaan. Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong membuat kenyataan dalam sebuah akhbar bertarikh 17 Disember 2015 berkata, tidak dinafikan kepentingan menguasai bahasa Inggeris tetapi janganlah sampai hilang jati diri untuk melestarikan bahasa Melayu. Beliau berkata lagi, tidak salah kita bersifat global tetapi pada waktu sama kita harus bersifat lokal. Ada satu istilah gabungan global dan lokal iaitu glocal. Kalau boleh kita pupuk semangat glocal ini dalam kalangan anak-anak muda dan masyarakat umum.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2009). Patriotisme kemandirian kita. Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa melayu di persimpangan: antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 16: 59-81. Diakses pada 27/3/2018 dari, <http://web.usm.my/kajh/kajh16/KAJH4Abdullah%285981%29A%5B1%5D.pdf>.
- Agustiani, H. (2009). Psikologi perkembangan pendekatan ekologi kaitannya dengan konsep diri dan penyesuaian diri pada remaja. In PT. Refika Aditama.
- Awang Basar, Aminah. (2015). Sikap generasi muda terhadap bahasa Melayu: senario di Malaysia, negara Brunei Darussalam dan Indonesia. Diakses pada 30/11/2017 dari, https://www.researchgate.net/publication/297734995_SIKAP_GENERASI_MUDA_TERHADAP_BAHASA_MELAYU_SENARIO_DI_MALAYSIA_NEGARA_BRUNEI_DARUS_SALAM_DAN_INDONESIA.
- Eqwan Roslan. (2017). Kenyataan berkenaan kelonggaran syarat lulus Bahasa Melayu bagi pelantikan pegawai perubatan. Diakses pada 5/4/2018 dari, <http://pembina.com.my/kenyataan-berkenaan-kelonggaran-syarat-lulus-bahasa-melayu-bagi-pelantikan-pegawai-perubatan/>.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). Beliefs, attitudes, intentions, and behavior: An introduction to theory and research. Massachusetts: Addison-Wesley.
- Hashim Musa. (2008). Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Musa, Normahdiah Sheikh Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati budi Melayu: Kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjanaan Melayu gemilang. *Journal of Language Studies*, 12 (1): 163-182.
- Hafiza Iszahanid. (2018). Bahasa Melayu relevan dalam Revolusi Industri Keempat. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/08/462634/bahasa-melayurelevan-dalam-revolusi-industri-keempat>. Diakses pada 9/6/2019.
- Idris Aman. (2011). Aksen bahasa kebangsaan: realiti identiti integrasi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 13-25. Diakses pada 5/7/2017 dari, http://journalarticle.ukm.my/2531/1/13-25_Jurnal_Pendidikan_Bahasa_melayu_2011.pdf.

- Jeniri Amir. (2013). Bahasa Melayu suara dari bawah. Kota Samarahan. Universiti Malaysia Sarawak.
- Junaini Kasdan. (2011). Sikap, persepsi dan tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia: analisis sosiokognitif. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamal Shukri Abdullah Sani. (2007). Bahasa Melayu apa sudah jadi? Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kotler, Philip. (2000). Marketing Management: Analysis, Planning, Implementation, and Control. 9th Edition. New Jersey, Prentice Hall International.
- Lee Lam Thye. (2017). Bahasa rojak boleh hakis kedudukan bahasa Melayu. Diakses pada 10/6/2019 dari, <https://www.pressreader.com/>.
- Maisarah Sheikh Rahim. (2017). Kelonggaran syarat lulus bahasa Melayu dipersetujui JPA. Diakses pada 5/4/2018 dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kelonggaran-syarat-lulus-bahasa-melayu-dipersetujui-jpa-1.498055>.
- M. Jasni Majed. (2017). Cabaran dan masa depan bahasa Melayu. Diakses pada 21/11/2017 dari, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/cabaran-dan-masa-depan-bahasa-melayu-1.463536>.
- Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, Shamsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi, Noralina Omar, Mujahid Abu Bakar. (2012). Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar IPT. Jurnal Hadhari Special Edition, 67-78. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Anwar Patho Rohman. (2017). Masih ramai tak fasih bahasa Melayu. Diakses pada 5/7/2017 dari, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/344484/masih-ramai-tak-fasih-bahasa-melayu>.
- Mueller, D. J. (1992), Mengukur sikap sosial: Pegangan untuk peneliti dan praktisi. (E. S. Kartawidjaja). Jakarta: Radar Jaya Offset.
- Notoatmodjo S. (2003). Pengantar pendidikan kesehatan dan ilmu perilaku kesehatan. Rineke Cipta Jakarta.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Bahasa Melayu dan jati diri dalam konteks satu Malaysia: satu kupasan linguistik. Diakses pada 25/3/2018 dari, <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/03/2-Bahasa-Melayu-Jati-Diri.pdf>.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. GEMA Online Journal of Language Studies, 10 (3): 68-87.
- Rais Yatim. (2017). Rasional kongres budaya 2017. Utusan Online. Diakses pada 19/4/2017 dari, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/rasional-kongres-budaya-2017-1.465768>.
- Nur Azlina Jalaluddin & Nurhasyinda Shahidan. (2017). Modenisasi bahasa di kalangan Gen Z. Diakses pada 11/6/2019 dari, <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/ilmubahasa/05-Nur-Azlina-KKKL.pdf>.
- Ramlah Adam. (2005). Kajian tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar IPT. Geran Penyelidikan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional.
- Siti Haliza Yusop. (2017). KBSM perlu kompenan nasionalisme bahasa. Diakses pada 21/11/2017 dari, <https://www.bharian.com.my/node/273384>.
- Ringkasan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar (Gp021). Diakses pada 11/6/2019 dari, <https://www.townplan.gov.my/index.php/garis-panduan-perancangan/1859-garis-panduan-perancangan-papan-iklan-luar-bm/file>.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. Jurnal Bahasa, 14(1): 134-158. Diakses pada 26/3/2018 dari, <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/11/7-Kekeliruan-Bahasa-Melayu-Jati-Diri.pdf>.
- Sivamurugan Pandian. (2017). Harkat bahasa Malaysia. Diakses pada 21/11/2017 dari, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/harkat-bahasa-malaysia-1.545093>.

- Taspcott, Don. (2009). *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*. McGraw-Hill.
- Teo Keok Seong. (2015). Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi. Diakses pada 13/6/2019 dari, <https://www.bharian.com.my/node/32115>.
- Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002. Diakses pada 11/6/2019 dari, <http://rr.mpc.gov.my/data/lic-legal-2014-01-10-14-44-05.pdf>.
- Utusan Online. 9 Oktober 2016. Akibat memperlekeh bahasa Melayu. Diakses pada 11/6/2019 dari, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/akibat-memperlekeh-bahasa-melayu-.392485>.
- Wan Muhamad, S. A. A. (2010). Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (hlm. 85-96). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Faizal Mohamed Mohamed Sultan Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeraksanaan jati diri bahasa Melayu: isu penyerapan kata asing. *Jurnal Melayu*, 6: 13-27. Diakses pada 25/3/2018 dari, <http://journalarticle.ukm.my/2915/1/2.pdf>.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134: 408-415. Diakses pada 4/11/2017 dari, <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S1877042814031735>.
- Zamri Mahamamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd. Mahzan Awang & Peng Chew Fong. (2017). Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM*, 7(1):1-10.
- Zamli Toti, Ruslin Amir & Saemah Rahman. (2014). Pembinaan instrument jati diri pelajar sekolah menengah di Malaysia. Diakses pada 25/3/2018 dari, https://worldconferences.net/proceedings/icssr2014/toc/papers_icssr2014/IC%20068%20PEMBINAAN%20INSTRUMEN%20JATI%20DIRI%20-20ZAMLI%20TOTI.pdf.